

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000**

**FEBRUARI 2000**

**RPK 233 – Kaedah Analisis Perancangan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini terbahagi kepada **BAHAGIAN A (WAJIB)** dan **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A (Jawab SEMUA soalan)**

1. (a) Pilih 3 daripada tajuk berikut dan bincangkan dengan ringkas:

- (i) Planning Balance Sheet
- (ii) Matriks Pencapaian Matlamat
- (iii) Analisis Perumahan
- (iv) Model Gunatanah
- (v) Model Peruncitan

( 15 markah )

(b) Bincangkan bagaimana unjuran permintaan perumahan dilaksanakan. Apakah kritikan anda terhadap kaedah unjuran permintaan perumahan ini?

( 10 markah )

( 25 MARKAH )

2. Huraikan dua daripada tiga teknik pensampelan di bawah:

- (a) Sampel rawak mudah
- (b) Sampel sistematik
- (c) Sampel bola salji

( 25 MARKAH )

3. (a) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi unjuran isipadu lalulintas.
- (b) Berdasarkan Jadual di bawah (**Jadual 1**) dan beberapa andaian, unjurkan isipadu lalulintas untuk tahun 2004.
- (c) Carikan darjah kesesakan bagi rangkaian Jalan A, B, C dan D.
- (d) Sebagai seorang Jururancang Lalulintas apakah tindakan anda terhadap hasil unjuran yang telah diunjurkan?

**Jadual 1**

Jalan		Purata isipadu lalulintas (P.C.U/jam)	
Nama	Muatan (P.C.U/jam)	1996	1999
A	1800	4000	4800
B	1600	3600	4200
C	2000	4600	5300
D	2200	4800	5500

( 25 MARKAH )

**BAHAGIAN B** ( Jawab SATU soalan sahaja)

4.

**Jadual 2**

Kumpulan Kohort	Kadar Kehidupan Lelaki *	Kadar Kehidupan Perempuan *	Kadar Kelahiran Hidup	Saiz Kohort Lelaki (Ribu)	Saiz Kohort Perempuan (Ribu)
0-14	0.85	0.90	-	200	220
15-29	0.75	0.75	1.95	150	140
30-44	0.60	0.70	0.95	100	100
45-59	0.50	0.60	-	75	70
60 +	0.45	0.50	-	50	60

\*Kadar untuk jangkamasa 15 tahun

**Jadual 2** di atas menunjukkan maklumat penduduk sebuah bandar pada 1999.

- (b) Berdasarkan **Jadual 2** unjurkan bilangan penduduk mengikut kumpulan umur dan jantina untuk tempoh 15 tahun.
- (b) Apakah kritikan anda terhadap kaedah unjuran penduduk ini?

( 25 MARKAH )

...3/-

5. (a) Berikan definisi-definisi berikut:
- (i) populasi
  - (ii) rangka persampelan
  - (iii) responden
- (b) Mengapakah penting untuk menjadi penyelidik yang beretika? Bincangkan.

( 25 MARKAH )

6. Teknik Analisis Impak Persekitaran (EIA) adalah salah satu teknik yang dapat digunakan untuk menilai cadangan sesebuah projek pembangunan. Huraikan kepentingan serta objektif dan metodologi teknik ini dalam konteks pembangunan negara.

( 25 MARKAH )

oooOOooo

